

Soalan No:45

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD [PASIR GUDANG]

TARIKH : 23.5.2016

SOALAN :

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mekanisme yang digunakan bagi penguatkuasaan dan pemantauan terhadap tadika-tadika swasta berkenaan dengan sukatan dan kaedah pembelajaran serta kelayakan tenaga pengajar yang digunakan bagi memastikan pendidikan awal kanak-kanak terjamin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 20 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] telah menetapkan semua tadika hendaklah didaftarkan termasuklah tadika swasta. Berdasarkan Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) terdapat 7,238 buah tadika swasta yang berdaftar dan aktif sehingga 31 Januari 2016.

Semua tadika swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hendaklah melaksanakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) seperti yang diperuntukan dalam Seksyen 22 Akta.

Bagi memastikan kualiti pendidikan prasekolah yang disediakan oleh tadika swasta mengikut ketetapan Kementerian, tiga kaedah pemantauan telah dilaksanakan iaitu :

- (i) Penarafan kendiri Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan;
- (ii) Pemeriksaan awal tahun; dan
- (iii) Operasi Patuh

Mulai tahun 2015, semua tadika swasta hendaklah melaksanakan penarafan kendiri Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) secara dalam talian melalui modul SKPK di dalam SMPK. Penarafan kendiri SKPK ini bertujuan untuk menilai kualiti program prasekolah yang ditawarkan oleh prasekolah yang berdaftar dengan Kementerian.

Penarafan kendiri SKPK merangkumi dimensi berikut :

- (i) kualiti guru dan pembantu guru;
- (ii) kualiti tadbir urus;
- (iii) kualiti kurikulum;
- (iv) kualiti interaksi; dan
- (v) kualiti kesihatan dan keselamatan.

Pada tahun 2015, sebanyak 5,564 buah tadika swasta yang beroperasi pada tahun 2014 telah melaksanakan penarafan kendiri SKPK.

Selain daripada itu, pemantauan turut diadakan ke atas tadika swasta melalui pemeriksaan awal tahun yang bertujuan untuk menilai tahap kesediaan tadika swasta mengikut aspek yang telah ditetapkan untuk beroperasi pada awal tahun. Pemeriksaan ini meliputi aspek berikut :

- (i) pematuhan kepada dasar;

- (ii) pengurusan pentadbiran institusi;
- (iii) pengurusan kurikulum / pengajaran dan pembelajaran;
- (iv) bilik darjah;
- (v) pencahayaan dan pengudaraan;
- (vi) kebersihan;
- (vii) kemudahan pili air; dan
- (viii) pengurusan keselamatan

Bagi tahun 2016, sebanyak 290 buah tadika swasta telah diperiksa dalam pemeriksaan ini.

KPM turut menjalankan aktiviti penguatkuasaan ke atas tadika swasta melalui Operasi Patuh yang bertujuan untuk memastikan tadika swasta mematuhi undang-undang yang diperuntukan di bawah Akta 550 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya seterusnya dapat memastikan kepentingan awam yang terlibat dalam bidang pendidikan terbela.

Bagi tahun 2015, sebanyak 107 buah tadika swasta telah diperiksa melalui Operasi tersebut dan 30 buah daripada didapati telah melanggar peruntukan dalam Akta. Kesemua tadika berkenaan telah dikenakan kompaun berdasarkan pelanggaran yang telah disabitkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG]

TARIKH : 23 MEI 2016 (ISNIN)

SOALAN : 46

Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kemajuan mengenai cabaran melaksanakan Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AwAS) dan Sistem Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) untuk menangani kes-kes kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Mata Demerit atau KEJARA telah dilaksanakan mulai tahun 1997 di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Mata Demerit) 1997. Walau bagaimanapun, pada tahun 2011 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 telah dipinda bagi membolehkan sistem ini dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dan efisyen. Sebelum pindaan Akta dibuat, pesalah-pesalah diberi mata demerit sebaik sahaja pesalah tersebut membayar penalti. Manakala selepas pindaan Akta tersebut, mata demerit diabaikan apabila pesalah menyelesaikan penalti dalam tempoh tiga bulan dari tarikh saman dikeluarkan.

Susulan pindaan tersebut, beberapa pihak termasuk ahli akademik telah memberikan pandangan bahawa sistem baharu pemberian mata demerit adalah tidak adil. Mereka berpandangan bahawa mata demerit hendaklah diberikan kepada mana-mana pesalah tanpa mengambil kira tempoh pembayaran. Berdasarkan kepada pandangan ini, pihak Kementerian telah memutuskan supaya pelaksanaan sistem mata demerit ditangguhkan buat sementara waktu untuk dikaji semula. Kajian ini dijalankan oleh JPJ dan MIROS bersama-sama dengan beberapa agensi berkaitan. Kajian tersebut telah selesai sepenuhnya pada penghujung tahun 2015. Pihak Kementerian telah meneliti dapatan hasil kajian tersebut dan sedang mempertimbangkan untuk melaksanakan semula penguatkuasaan Sistem Mata Demerit atau KEJARA dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan AES yang kini diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System* (AwAS) masih beroperasi di 14 lokasi sedia ada melibatkan 2 lokasi di Selangor, 2 lokasi di Putrajaya, 3 lokasi di Kuala Lumpur dan 7 lokasi di Perak. Mengambil kira keberkesanan pelaksanaan AwAS dalam meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC), Kerajaan akan terus melaksana dan memperluaskan

pemasangan kamera AES dari semasa ke semasa. Pemasangan kamera ini akan dilakukan di lokasi *Accident Prone Area* (APA) dan kawasan berisiko tinggi yang dikenalpasti dan ditentusahkan oleh MIROS. Dalam masa yang sama pandangan orang ramai di peringkat akar umbi akan diambilkira dalam menentukan lokasi pemasangan kamera sebagai suatu langkah *engagement*.

Dalam melaksanakan AwAS dan KEJARA juga, Kerajaan buat masa ini akan terus mengadakan advokasi dan “*public engagement*” kepada pihak berkepentingan, pejabat-pejabat negeri, pelajar universiti dan sekolah serta orang awam bagi mendapatkan penerimaan daripada semua pihak.